

17 SEP 1996

Ceroboh

SISTEM KESELAMATAN DI SRI PERDANA AKAN DIKAJI

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Sistem keselamatan di kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "Sri Perdana", di sini akan di kaji semula sekiranya terdapat sebarang kelemahan.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah bandaraya, ACP Abdul Aziz Abdul Abdul Hamid berkata sekiranya terdapat kelemahan yang menyebabkan ia mudah dicerobohi, polis akan berusaha untuk mengatasinya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian dua hari lepas apabila dua lelaki yang menaiki kereta bernombor PDE 638 tidak mengendahkan amaran polis yang mengawal Sri Perdana supaya berhenti lalu ditahan sebaik sahaja mereka berhenti berhampiran dengan garaj.

Pencerobohan itu berlaku hanya dalam tempoh kira-kira satu bulan selepas kejadian yang agak sama berlaku apabila pada 6 Ogos apabila seorang komando tentera darat mendaki bukit menuju pintu masuk utama Sri Perdana lalu meminta kepada anggota polis bertugas untuk menemui Perdana Menteri.

Bercakap kepada Bernama ketika dihubungi di rumahnya beliau berkata kajian ini lebih kepada memperbaiki sebarang kelemahan yang ada dan tidak membabitkan rombakan besar.

Aziz berkata polis akan memperbaiki tahap keselamatan di Sri Perdana berdasarkan hasil siasatan keatas kedua-dua penceroboh itu.

"Tapi pada pandangan saya tahap keselamatan Sri Perdana adalah mencukupi. Kedua-dua pencerobohan itu membabitkan lelaki kurang siaman yang kita tidak dapat jangka apa yang bermain dalam fikirannya. Apa-apa sahaja boleh berlaku," katanya.

Aziz berkata polis kini masih menunggu laporan dari doktor mengenai status mental pemandu kereta itu yang berumur 31 tahun itu manakala penumpangnya yang berumur 21 tahun kini masih ditahan di Ibupejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur untuk siasatan.

Bagaimanapun beliau tidak dapat memastikan bila laporan mengenai status mental lelaki itu boleh diperolehi dan atau keputusan laporan siasatan keatas penumpang kereta tersebut.

"Kedua mereka semasa ditahan mengaku sebagai pengarah urusan sebuah syarikat swasta di ibukota. Bagaimanapun polis masih menyiasat kesahihan dakwaan mereka," katanya.

Beliau berkata kedua mereka disiasat di bawah Seksyen 447 Kanun Keseksaan bagi kesalahan pencerobohan jenayah yang jika di sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara tiga bulan atau denda sehingga RM1,000 atau kedua-duanya sekali.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berlepas ke Sedunia selama lima hari. -- BERNAMA

AZH WAT